Tandakan (✓) bagi kata majmuk yang betul berdasarkan ayat di bawah.

1. Murid-murid kelas itu cemerlang dalam semua _____ yang diajar di sekolah.
   mata wang ( ) hal ehwal ( ) mata pelajaran ( )

2. Kedua-dua pihak itu menyelesaikan _____ yang berlaku dengan segera.
   salah guna ( ) salah faham ( ) salah sangka ( )

3. Nenek memujuk Hasrin supaya tidak _____ untuk menjadi usahawan yang berjaya.
   patah kaki ( ) patah selera ( ) patah semangat ( )

4. Taklimat itu diadakan untuk memberi _____ kepada calon-calon peperiksaan.
   garis panduan ( ) garis pusat ( ) silang pangkah ( )

5. Laila mengambil sebatang pen untuk melengkapkan permainan teka _____.
   silang kata ( ) sepak takraw ( ) batu seremban ( )

6. Pemuda itu _____ oleh pihak polis kerana disyaki terlibat dalam suatu kes rompakan.
   disoal jawab ( ) disoal siasat ( ) ditemu ramah ( )

LIVEWORKSHEETS

7. Kak Zalila menetapkan _____ untuk berjumpa dengan doktor peribadinya.
temu duga ( ) temu bual ( ) temu janji ( )

8. Puan Cindy berhenti kerja dan menjadi _____ sepenuh masa sejak setahun yang lalu.
rakan karib ( ) ibu negeri ( ) suri rumah ( )

9. Ramai kawan menyenangi sikap Fazura kerana _____nya baik dan lembut.
budi bicara ( ) tutur kata ( ) tipu daya ( )

10. Penduduk Taman Gembira mengutip _____ untuk membantu keluarga yang miskin itu.
derma kilat ( ) titik peluh ( ) buah fikiran ( )

Praktis 3

Padankan perkataan yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan.

1. Cikgu Yusri meminta murid-muridnya membuat _____ supaya mereka lebih memahami subjek Matematik.
2. Ramai rakyat Malaysia yang telah mengharumkan nama negara pada peringkat _____.
3. Semua anak perempuan Puan Rose mempunyai raut wajah yang _____.
4. Datuk Daus mengecap kemewahan _____nya yang menceburi bidang perniagaan sejak sepuluh tahun lalu.
5. Adik berdiri di _____ sambil menunggu ayah pulang daripada bekerja.
6. Fadzli menjalankan _____ sebagai ketua murid sekolahnya dengan baik.
7. Fitri mengambil secarik kain lalu membalut _____nya yang luka.
8. Saya terkejut melihat _____ itu bertenggek di atas dahan berhampiran dengan tingkap bilik.

tanggungjawab

hasil usaha

ibu jari

latih tubi

antarabangsa

burung hantu

muka pintu

cantik jelita

Scanned with CamScanner
LIVEWORKSHEETS